

Ruj. : AKKM : 2/5/21 Jld. 2 (15)
Tarikh : 6 Februari 2018

Setiausaha
Koperasi Ahli ANGKASA Dalam Negeri Melaka

Anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Melaka

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PINDAAN : PERSIDANGAN NEGERI ANGKASA MELAKA 2018

Dengan segala hormatnya merujuk surat, AKKM : 2/5/21 Jld. 2 (11) bertarikh 8 Januari 2018 mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan Persidangan Negeri ANGKASA Melaka 2018 yang dijadualkan pada hari **Rabu, 11 April 2018 telah ditunda ke hari Rabu, 18 April 2018 jam 9.30 pagi bertempat di The Mudzaffar Hotel, Lot 5509, Jalan Wisma Persekutuan, MITC, 75450 Ayer Keroh, Melaka.**

2. Agenda dan Minit Persidangan lalu serta laporan-laporan lain akan diedarkan berasingan.

3. Dalam Persidangan ini, mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) 45 (1), satu pertiga daripada anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri (JPAN) termasuk Pengerusi JPAN hendaklah mengosongkan keanggotaannya dalam JPAN pada setiap kali Persidangan Negeri dan boleh dicalonkan semula. Anggota JPAN yang gugur mengikut giliran pada Persidangan ini adalah seperti berikut:-

<u>Bil.</u>	<u>Nama</u>	<u>Wakil Koperasi</u>
i.	Tn. Hj. Muslim Md. Shah (Pengerusi)	Kop. Pekerja-Pekerja Melayu Melaka Berhad
ii.	En. Ab. Aziz Ab. Majid	Kop. Perubatan & Kesihatan Melaka Berhad
iii.	En. Nordin Abu Hasan	Kop. Madrasah Darul Falah Kuala Sungai Baru Melaka Berhad
iv.	En. Ramli Maarof	Kop. KEMAS Melaka Berhad

4. Pemilihan untuk menjadi calon Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA) Ke-33 akan dibuat di Persidangan Negeri. Dua (2) orang calon daripada setiap Persidangan Negeri akan dipilih untuk menjadi calon Jawatankuasa Menentukan Draf Minit PKTA Ke-33. Pemilihan Jawatankuasa akan dibuat di PKTA Ke-33 pada bulan Mei 2018 nanti.



5. Pemilihan untuk dua (2) orang Jurucakap Negeri akan dipilih dalam Persidangan Negeri untuk menjadi Jurucakap Negeri di PKTA Ke-33 pada bulan Mei 2018 nanti.

6. Bagi tujuan pemilihan untuk menjadi anggota JPAN, calon Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit PKTA dan Jurucakap Negeri di PKTA, koperasi ahli yang ingin mencalonkan wakil perlu mengisi Borang Pencalonan (CALON/PNMA/2018) dan **dikembalikan ke pejabat Setiausaha Eksekutif ANGKASA Pusat selewat-lewatnya pada hari Isnin, 19 Mac 2018 jam 5.00 petang. Borang Pencalonan yang diterima lewat daripada jangkamasa tersebut akan dibatalkan pencalonannya.** Maklumat lanjut mengenai pencalonan adalah seperti dalam kertas keterangan yang disertakan. Senarai nama calon yang layak bertanding akan diedarkan bersekali dengan laporan seperti dalam perkara 2 di atas.

7. Semua koperasi Ahli ANGKASA dalam Negeri Melaka berhak menghantar wakil mengikut UUK 46. Borang Perwakilan (PERWAKILAN/PNMA/2018) **perlu diisi dalam dua salinan.** Satu salinan perlu dikembalikan **ke pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri Melaka** seperti alamat yang dinyatakan **selewat-lewatnya pada hari Rabu, 11 April 2018 jam 5.00 petang. Borang Perwakilan yang diterima lewat daripada jangkamasa tersebut tidak layak didaftarkan.** Satu salinan lagi hendaklah dibawa bersama pada masa pendaftaran.

8. Maklumat lanjut mengenai Persidangan Negeri 2018 seperti dalam kertas keterangan yang disertakan.

Sekian, terima kasih.

“SADIK, AMANAH, TELUS”

Yang benar,



MOHAMMAD ZAMRI HAJI YAACOB, AMK.
Setiausaha Eksekutif

s.k. : Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Melaka
: Setiausaha
Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Melaka

Lampiran.